

U B971 AAB
KEPUTUSAN - KOMEN

(I)

KUALA LUMPUR, 24 APRIL (BERNAMA) -- MENTERI PENERANGAN DAN CALON MAJLIS TERTINGGI UMNO TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN BERKATA MALAM INI KEMENANGAN TIPIS OLEH PRESIDEN PARTI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG MEMPERTAHAKAN JAWATAN ITU DARIPADA PENCABARNYA TENGKU RAZALEIGH HAMZAH MENUNJUKKAN BAHAWA PARTI ITU KINI TERBAHAGI DUA.

TENGKU RITHAUDDEEN HADIR DI DEWAN TUN DR ISMAIL DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA BILA Pengerusi Tetap yang dipilih semula Tan Sri Sulaiman Ninam Shah mengumumkan keputusan bagi tiga jawatan Terkanan Parti.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Tengku Rithauddeen berkata, + saya harap UMNO melihat realiti ini dan betapa seriusnya (keadaan) dan menyelesaikan apa jua masalah.+

Beliau berkata beliau tidak mahu melihat, + Gajah sama Gajah berjuang pelandung mati di tengah-tengah.+

+apa yang penting bagi masa depan UMNO ialah ia mesti mengkaji dengan serius untuk mengekalkan perpaduannya.+ - LAGI.

0041MST 25 04 87

U B974 AAB
KEPUTUSAN - KOMEN 2 KUALA LUMPUR

(I)

Beliau menyeru para anggota UMNO supaya hidup bersama dalam satu keluarga dan menggesa Majlis Tertinggi (MT) Parti mengkaji perpecahan itu dan mengatasi masalah tersebut.

Seorang lagi calon MT yang juga anggota Parlimen Kok Lanas Datuk Abdullah Ahmad berkata kemenangan tipis Presiden dan Timbalan Presiden memang dijangka.

Beliau berkata 41 undi rosak dalam keputusan bagi Timbalan Presiden mungkin sengaja dilakukan. - LAGI.

0047MST 25 04 87

D716

U B977 AAB
KEPUTUSAN - KOMEN 3 KUALA LUMPUR

(I)

Pemangku Ketua Pemuda UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak, malam ini menggesa pucuk pimpinan parti yang terpilih supaya memandang ke hadapan bagi menentukan keutuhan parti.

Beliau memberitahu Bernama selepas pengumuman keputusan pemilihan itu, bahawa tugas itu tidak boleh dijalankan jika UMNO berpecah-belah, lemah atau sentiasa bergelora dengan masalah sendiri.

+ apa yang penting ialah untuk pucuk pimpinan melihat ke hadapan bagi menentukan keutuhan parti kerana UMNO adalah tulang belakang kepada kestabilan politik negara,+ katanya.

Mengenai majoriti tipis yang diperolehi oleh Presiden Parti, Datuk Seri Mahathir Mohamad dan Timbalan Barunya, Encik Ghafar Baba, Datuk Seri Najib berkata, keputusan itu bermakna terdapat perbezaan pendapat di kalangan perwakilan mengenai hal-hal parti dan negara. - LAGI.

0054MST 25 04 87

U B978 AAB
KEPUTUSAN - KOMEN 4 KUALA LUMPUR

(I)

+ PERANCANGAN HARUS DIAMBIL KIRA DAN PENELITIAN YANG MENDALAM HARUS DILAKUKAN UNTUK MEWUJUDKAN SATU BARISAN TEGUH DI DALAM PARTI,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI NAJIB JUGA MENYERU MEREKA YANG TERLIBAT SUPAYA MELUPAKAN SEGALA YANG TIMBUL SEMASA BERKEMPEN UNTUK PEMILIHAN PARTI.

SEBALIKNYA, BELIAU BERKATA, MEREKA HARUS BERUSAHA BERSAMA-SAMA UNTUK MEMPERKUATKAN UMNO SEBAGAI SEBUAH PARTI YANG MENJADI TEMPAT PERGANTUNGAN ORANG MELAYU. - LAGI.

0055MST 25 04 87

U B980 AAB
KEPUTUSAN - KOMEN 5 KUALA LUMPUR

(I)

MENTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT, DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD BERKATA WALAUPUN DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN ENCIK GHAFAR MEMPEROLEHI MAJORITI YANG KECIL, NAMUN KEPUTUSAN TELAH DIBUAT OLEH PARA PERWAKILAN DAN ANGGOTA-ANGGOTA PARTI HENDAKLAH MEMATUHINYA.

+WALAUPUN KEADAANNYA CUMA 48-52 PERATUS, KITA TETAP PERLU MENERIMA KEPUTUSAN ITU,+ KATANYA YANG BERTANDING MEMPERTAHAKAN JAWATAN ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI.

SAMBIL MENYATAKAN PUAS HATI TERHADAP KEPUTUSAN PEMILIHAN ITU, DATUK SHAHRIR BERKATA TENGGU RAZALEIGH DAN DATUK MUSA MENCAPAI KEPUTUSAN YANG BAIK JUGA.

TIMBALAN MENTERI KEWANGAN DATUK SABBARUDDIN CHIK BERKATA BELIAU GEMBIRA DENGAN KEPUTUSAN ITU SERTA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ENCIK GHAFAR.

DITANYA MENGENAI MAJORITI KECIL YANG DIPEROLEHI OLEH KEDUA-DUA PEMIMPIN UTAMA PARTI ITU, DATUK SABBARUDDIN BERKATA, IA TIDAK PENTING. -- BERNAMA

0106MST 25 04 87

U B985 AAB
KEPUTUSAN - KOMEN 6 KUALA LUMPUR (SAMBUNG KEPADA BERITA AWAL)

(I)

ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO HAJAH MARINA YUSOF MENYIFATKAN PERTANDINGAN BAGI JAWATAN PRESIDEN UMNO SEBAGAI +ADIL+.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI PUSAT AKHBAR DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA MALAM INI, CALON TERBAIK TELAH MENANG.

HAJAH MARINA BERKATA BELIAU MENYOKONG PUCUK PIMPINAN Sambil MENEGASKAN MENJADI TANGGUNGJAWAB SEMUA PIHAK BERSATU SEMULA SELEPAS PERTANDINGAN ITU.

-- BERNAMA

0128MST 25 04 87